Pejabat Pendaftar Mabkamah Tinggi Sabah & Sarawak
Komp/eks Mahkamah Kuching,
Jalan Gersik, 93050 Petra Jaya,
Kuching, Sarawak.

Tele/on 082-311373
Kawat REGCOURT
No. Faks 082-311575

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (39) dim. JUD/134/Jld 5

Tarikh: 7 Februari, 2013

Hakim Mahkamah Sesyen,
Sabah dan Sarawak.

Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Majistret,
Sabah dan Sarawak.

Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1 /2013

MEMANGGIL SAKS! PERBICARAAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana yang tuan/puan sedia maklum, saksi-saksi dalam sesuatu kes merupakan salah satu pelanggn mahkamah yang amat penting yang boleh menentukan keputusan sesuatu kes. Mereka sepatutnya sentiasa berada dalam keadaan selesa semasa berada di mahkamah sebelum dan semasa memberi keterangan.

3. Waiau bagaimanapun masih terdapat mahkamah yang kurang memberi perhatian kepada kebajikan saksi-saksi perbicaraan malah ada di antara mereka yang terpaksa menunggu lama sebelum dipanggil memberi keterangan, ataupun terpaksa datang semula ke mahkamah kerana kes mereka ditangguhkan di saat-saat akhir. Amalan ini bukan sahaja menggambarkan ketidakcekapan kita menguruskan masa mahkamah tetapi juga boleh menjejaskan tumpuan mereka terhadap kes-kes yang melibatkan mereka.

4. Sehubungan itu YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak telah mengarahkan tuan/puan mematuhi perkara-perkara berikut semasa mendengar sesuatu kes:

a) Peralatan CRT yang disediakan di mahkamah-mahkamah hendaklah digunakan secara optimum. Ini dapat mempercepatkan proses perbicaraan kerana pegawai-pegawai kehakiman tidak perlu untuk merakam keterangan secara manual samada secara bertulis atau menaip menggunakan komputer. Dengan cara ini saksi-saksi perbicaraan tidak perlu berada terlalu lama di mahkamah atau terpaksa berhadapan dengan kemungkinan terpaksa dipanggil semula ke mahkamah untuk menyambung keterangan.

b) Masa untuk memanggil saksi-saksi mahkamah hendaklah dibuat secara berperingkat. Ini perlu dilakukan semasa pengurusan kes di mana tuan/puan boleh memaklumkan pihak-pihak dalam perbicaraan masa yang sesuai seseorang saksi terutama saksi awam itu perlu dipanggil dengan mengambilkira beberapa perkara berkaitan seperti keperluan untuk mengenalpasti (identification) saksi berkaitan dan sebagainya.

c) Saksi-saksi dari luar daerah hendaklah dipanggil secepat mungkin dan keterangan mereka harus diselesaikan dengan segera. Ini untuk mengelakkan mereka dari terpaksa datang semula ke mahkamah untuk menyambung keterangan selain dari mengelakkan dari kemungkinan mereka dipengaruhi oleh mana-mana pihak untuk menukar keterangan. Selain itu ini juga dapat menjimatkan masa dan wang.

d) Saksi-saksi pakar terutamanya pegawai kerajaan (ahli kimia, doctor perubatan dan sebagainya) hendaklah diberi keutamaan ketika berada di mahkamah. Ini disebabkan mereka juga mempunyai tugas penting di pejabat masing-masing yang perlu ditangguhkan semasa mereka datang memberi keterangan di mahkamah. Tuan/Puan boleh menangguhkan keterangan saksi-saksi lain dan memanggil saksi-saksi pakar ini sebaik sahaja mereka berada di mahkamah. Untuk kes-kes kemalangan jalanraya yang melibatkan keterangan doctor perubatan tuan/puan boleh mengambil keterangan saksi tersebut di hospital. Waiau bagaimanapun tuan/puan diminta menghubungi Pengarah Hospital berkenaan terlebih dahulu sebelum pergi ke hospital untuk tujuan tersebut.

e) Sebarang permohonan penangguhan kes hendaklah dibuat berasaskan alasan-alasan yang munasabah. Tuan/Puan sepatutnya tidak mebenarkan penagguhan atas alasan-alasan remeh seperti peguam perlu menghadiri acara sukan dan seumpamanya.

5. Alasan ini **berkuatkuasa serta merta.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(AZHAHARI KAMAL BIN RAMLI)
Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.